



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PENYAKIT TUBERKULOSIS DI MALAYSIA

Penyakit Tuberkulosis atau Tibi adalah penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang merebak melalui udara khususnya melalui kontak rapat dengan individu yang dijangkiti. Kes indeks yang dikenalpasti semasa permulaan kluster adalah merujuk kepada kes Tibi yang dikenal pasti terlebih dahulu dan menjadi rujukan utama dalam siasatan kontak serta kawalan wabak.

Bagi tahun 2026, sehingga Minggu Epidemiologi ke-5 (ME 5/2026), iaitu sehingga 7 Februari 2026 sebanyak 2,571 kes telah didaftarkan dengan kadar insiden 7.5 bagi setiap 100 ribu penduduk. Ia menunjukkan peningkatan 229 kes (9.8%) berbanding 2,342 kes pada tahun 2025 bagi tempoh masa yang sama.

Kluster Tibi adalah satu kejadian yang merujuk kepada kejadian kelompok jangkitan dua (2) kes atau lebih yang mempunyai kaitan epidemiologi dari segi masa, tempat atau hubungan kontak yang menunjukkan kemungkinan wujudnya rantai transmisi yang sama.

Kluster Tibi boleh berlaku di kalangan seisi rumah (*household*) atau keluarga, institusi, tempat kerja dan kontak rapat bukan keluarga. Kluster Tibi diklasifikasikan sebagai aktif iaitu dalam tempoh dua (2) inkubasi iaitu selama enam (6) bulan berdasarkan Garis panduan Pengurusan Wabak Malaysia tahun 2021.

Bagi tahun 2025, jumlah keseluruhan 88 kluster Tibi telah dilaporkan di Malaysia melibatkan 254 kes Tibi. Daripada 88 kluster yang dilaporkan pada tahun 2025, 35 kluster masih berstatuskan aktif melibatkan 13 kluster di Selangor dengan 37 kes tibi, enam (6) kluster dengan 13 kes

tibi di Kedah, masing-masing lima (5) kluster di Sarawak dengan 27 kes tibi dan WPKL dan Putrajaya dengan 14 kes tibi , tiga (3) kluster di Johor dengan 7 kes tibi , dua (2) kluster di Kelantan dengan 5 kes tibi dan satu (1) kluster di Terengganu dengan 2 kes tibi.

Manakala bagi tahun 2026 sehingga 7 Februari, sejumlah 10 kluster Tibi dilaporkan yang kesemuanya masih aktif melibatkan empat (4) kluster di negeri Selangor dengan 10 kes tibi dan masing-masing satu (1) kluster bagi negeri Johor dengan 37 kes tibi , Kedah dengan 2 kes tibi , Kelantan dengan 2 kes tibi , Pahang dengan 4 kes tibi , Perlis dengan 2 kes tibi dan Sabah dengan 5 kes tibi.

Kejadian kluster bagi penyakit Tibi terutama yang berlaku di dalam institusi memerlukan perhatian yang lebih serius kerana ia melibatkan penularan dalam kalangan kontak rapat di luar lingkungan keluarga, sekali gus berpotensi meningkatkan risiko penyebaran jangkitan kepada komuniti yang lebih luas.

Sebaik satu kluster diisytiharkan, tindakan kawalan yang lebih teratur dan sistematik akan dilaksanakan merangkumi pengenalpastian dan penilaian kontak rapat, pelaksanaan saringan dalam kalangan kontak, serta pelaksanaan promosi kesihatan berkaitan pencegahan dan kawalan Tibi kepada penduduk setempat.

Sehubungan itu, orang awam yang mengalami gejala batuk berpanjangan melebihi dua (2) minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah atau mempunyai sejarah kontak rapat dengan pesakit Tibi dinasihatkan agar segera mendapatkan pemeriksaan awal di fasiliti kesihatan berhampiran.

KKM sentiasa memantau situasi penyakit Tibi dan berusaha bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan berkualiti melalui pengesanan dan rawatan awal.